

8 MAR 1996

Mahathir-EPZ

DUA PERDANA MENTERI PECAH TANAH BAGI EPZ KEDUA MALAYSIA DI VN

Oleh: Rachman Nordin

HANOI, 8 Mac (Bernama) -- Dalam satu majlis menandakan hubungan Malaysia dan Vietnam yang semakin kukuh, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya di Vietnam, Vo Van Kiet hari ini menghadiri majlis pecah tanah bagi Zon Pemerosesan Eksport (EPZ) Noi Bai yang bernilai hampir RM75 juta (AS\$30-juta).

Dalam ucapannya di majlis itu Dr Mahathir berkata, EPZ itu merupakan kompleks bersepadu yang juga terdiri daripada pusat peranginan golf dan sebuah bandaraya yang diilhamkan semasa lawatan kali terakhir beliau ke Vietnam pada 1992.

"Saya bangga melihat komponen pertama projek itu sedang dilaksanakan dan yakin yang EPZ Noi Bai akan terus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Vietnam," kata beliau.

Dalam majlis itu, kedua-dua pemimpin menekan butang kawalan jauh dari sebuah pentas khas untuk menggerakkan sebuah jentera yang menanam sebuah cerucuk ke dalam tanah.

Dr Mahathir dan Kiet kemudiannya menurunkan tandatangan mereka dengan besar atas plak marmar di tapak EPZ itu bersebelahan lapangan terbang antrabangsa, 45 km dari sini.

Ramai pemimpin-pemimpin korporat dari Malaysia, ahli-ahli perniagaan asing dan pegawai-pegawai Vietnam serta penduduk-penduduk kampung dari penempatan berdekatan berada di situ dan suasananya nampak macam perayaan dengan pukulan gendang tradisional Vietnam.

Dr Mahathir berkata usahasama itu menunjukkan keyakinan pelabur-pelabur Malaysia terhadap Vietnam dan ia harus menjadi pelopor kepada lebih banyak usaha seperti itu pada masa depan.

EPZ itu membuktikan bahawa sokongan dan komitmen daripada sektor awam dan swasta dan sebaliknya bukan sahaja perlu tetapi juga merupakan suatu keperluan asas bagi kejayaan pembangunan, katanya.

EPZ itu diusahakan oleh Noi Bai Development Corporation, iaitu syarikat usahasama antara anak syarikat milik penuh Kinta Kellas, Vista Spectrum (M) Sdn Bhd dan Hanoi Industrial Construction Company.

Kinta Kellas merupakan anggota Kumpulan Syarikat Renong yang melaksanakan perniagaan di Vietnam sejak 1992.

Dr Mahathir berkata Malaysia sedia berkongsi pengalaman dengan Vietnam dalam semua bidang termasuk ekonomi, perniagaan, pelaburan, pelancongan serta infrastruktur.

Beliau berharap lebih banyak peluang akan wujud bagi kedua-dua negara memperkukuhkan lagi hubungan dua hala.

EPZ Noi Bai ialah satu daripada beberapa projek Kumpulan Renong yang, menurut Dr Mahathir, telah menyumbang kepada pembangunan sosial dan fizikal di negara-negara yang menempatkan pejabat badan korporat itu.

Beliau difahamkan bahawa keluarga petani Vietnam, yang membuka jalan kepada kewujudan EPZ Noi Bai, sudahpun menikmati hasil ekonomi daripada projek itu.

Beliau berharap lebih banyak badan-badan korporat Malaysia akan mengambil inisiatif yang sama untuk meneroka pasaran dinamik Vietnam. Vietnam mempunyai 74 juta penduduk.

Beliau memuji Vietnam kerana berjaya membangunkan negaranya dan layak menerima pengiktirafan sewajarnya serta menikmati pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang mengkagumkan iaitu 9.5 peratus tahun lepas.

Dr Mahathir berkata: "Status negara pilihan yang diberikan oleh

Kesatuan Eropah dan Kanada menggambarkan kejayaan Vietnam dalam hubungan luar dan menjadikan negara itu menarik kepada pelabur yang mahu mengeluarkan barangan untuk eksport."

Penarikan balik sekatan perdagangan dan mengadakan hubungan diplomatik dengan Amerika Syarikat juga telah membuka jalan kepada kemasukan bantuan asing dan pelaburan, katanya.

"Saya gembira untuk menyatakan bahawa semua ini dijangka menggerakkan Vietnam menjadi kuasa baru Asia," kata Dr Mahathir.

Dalam ucapannya, Pengerusi Noi Bai Development Corporation Tengku Ahmad Rithauddeen berkata EPZ dijangka dapat menyediakan kerja untuk 20,000 orang dan menghasilkan banyak keluaran sampingan.

Perkembangan komponen pertama projek bersepadu itu sangat menggalakkan dengan 47 pertanyaan diterima daripada pelabur-pelabur antarabangsa termasuk dari Jepun, Malaysia dan Amerika, katanya.

Beliau berkata EPZ menawarkan banyak kelebihan yang akan menjadikannya satu daripada pusat utama promosi aktiviti berorientasikan eksport.

Fasa pertama kawasan seluas 50 hektar itu sedang dalam pembinaan dan dijangka siba untuk diduduki akhir tahun ini manakala selebihnya pada April 1999.

Tengku Rithauddeen berkata projek itu tidak terkecuali daripada masalah tetapi badan korporat itu komited untuk mengatasinya secara profesional.

Ia akan bergantung kepada komitmen dan sokongan berterusan kerajaan Vietnam bagi memastikan projek itu disiapkan mengikut jadual, katanya.

Pada masa ini, Malaysia membangunkan dua EPZ di Vietnam iaitu satu di Noi Bai EPZ yang dibina oleh Kinta Kellas manakala konsortium Malaysia Selatan-selatan pula membangunkan EPZ di Danang, di Vietnam tengah. --

BERNMA

RN NAK